

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 9 RABU 4 MACH, 1970 1389 رابو 25 ذوالحججه PERCHUMA

M. B. MELAWAT KA-DAERAH TEMBURONG

BANGAR, TEMBURONG.— Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah mengadakan lawatan ka-Daerah Temburong pada hari Sabtu lepas untuk meninjau perkembangan yang di-chapai oleh daerah itu.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara telah di-iringi oleh Pemangku Penolong Setia Usaha Kerajaan, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail, Timbalan Pengarah Kerja Raya, Awang Haji Talip bin Derwish dan Awang Jaya bin Abdul Latif, pegawai pentadbir di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan.

Beruchap kepada penghulu2, ketua2 kampung dan tuai2 rumah Panjang di-Daerah Temburong yang kebetulan ketika itu mengadakan mashuarat bulanan mereka, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara menyeru mereka supaya memberikan kerjasama kepada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sutlan dan Yang Di-Pertuan.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu berkata, ada diantara penduduk2 di-daerah itu menganggap bahawa Daerah Temburong ada-lah sa-bagai 'anak angkat' dari daerah lain di-negeri ini.

(Lihat Muka 8)

Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei telah membeli dua buah helikopter jenis Bell 205-A. Pesawat2 itu ada-lah bagi menggantikan pesawat helikopter jenis Westland Whirlwinds yang telah di-jual oleh regiment itu pada tahun lalu.

Pesawat jenis Bell 205-A yang berharga \$390,000 tiap2 sa-buah itu boleh membawa 14 orang askar yang berpakaian lengkap.

Gambar kanan menunjukkan salah sa-buah helikopter jenis Bell 205-A yang di-gunakan dalam latihan tentera yang di-berinama 'New Look'.

BANDAR BRUNEI. — Badan2 perniagaan di-negeri ini kechuali pertanian tidak lama lagi akan menerima satu borang soalan yang menghendaki mereka memberikan keterangan2 yang berchorak ekonomi.

Borang2 tersebut yang akan di-hantar kepada mereka menerusi pos akan menetekberatkan terhadap bilangan pekerja2, tempat2 perusahaan itu di-jalankan, kelamaan badan ini telah di-tubuhkan.

Suatu kenyataan Kerajaan berkata, segala keterangan2 yang di-dapati dari pengkajian ini akan dapat di-jadikan sa-bagai satu panduan kepada Kerajaan dalam ranchangan2 ekonomi-nya nanti dan juga pengkajian ini akan dapat di-jadikan sa-bagai satu asas utama bagi chara2 mengumpul keterangan2 ekonomi pada masa2 yang akan datang.

Kenyataan itu berkata, Pemangku Penolong Setia Usaha Kerajaan, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail telah meminta dan berseru supaya badan2 perniagaan di-seluruh negeri akan memberikan kerjasama mereka dengan sa-chara jujur terutama sekali dalam memberikan keterangan2 yang berasaskan kebenaran.

Seruan itu telah di-buat menerusi dewan2 perniagaan, persatuan2 bank dan persatuan2 kontrektor.

PENGENKALAN BERPOS

**Badan perniagaan di-minta
memberikan kerjasama yang
ikhlas dan jujur**

Beliau berkata, apabila perediaan2 awal telah siap sedia, satu perhubungan terhadap susunan soalan2 akan di-jalankan yang mana hanya akan melibatkan sa-bilangan kecil daripada badan2 perniagaan

itu.

Pengiran Dato Paduka Momin berharap semoga hasil pengkajian ini akan menda-tangkan kebajikan yang berfaedah kepada raayat dan penduduk2 Negeri Brunei.

Larangan pelayaran ka-atas kapal2 kecil ka-Sabah

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei telah mengenakan larangan pelayaran ka-atas perahu2 dan kapal2 kecil yang belayar bebas antara Brunei dan Sabah.

Kerajaan Sabah juga mengenakan larangan yang sama supaya menche-gah merebak-nya kejadian penyakit kolera yang telah di-ishtiharkan di-

negeri itu pada minggu lalu.

Pengarah Laut, Awang Jack Turner berkata, perahu2 dan kapal2 kecil itu ada-lah di-maksudkan kepada perahu2 terbuka kepunyaan persendirian yang penumpang2-nya tidak memiliki sijil2 suntikan menche-gah kolera yang sah.

Beliau berkata, kapal kecil yang membawa cargo yang belayar antara Bandar Brunei dan pelabuhan Victoria di-Labuan dan ka-lain2 pelabuhan di-Sabah boleh meneruskan pelayaran jika semua anak2 buah dan penumpang2-nya mempunyai sijil2 suntikan yang sah.

Pengarah Laut itu menambakkata, semua kapal2 kechuali kapal2 perkhidmatan penumpang kerajaan yang tiba di-perayeran Brunei sa-chara langsung dari Sabah atau pelabuhan2 perantaraan akan dikenakan pengasingan.

Awang Turner berkata, semua penumpang2 yang belayar dengan kapal2 antara Bandar Brunei dan Labuan atau sebalak-nya, hendak-lah mempunyai sijil2 suntikan menche-gah penyakit kolera yang sah sa-belum menempah tiket.





Pertunjukkan feshen pakaian dapat sambutan

BANDAR BRUNEI. — Lebih dari 400 orang telah menyaksikan pertunjukkan feshen pakaian yang telah diadakan di Dewan Raya Jabatan Penyarangan dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka Bandar Brunei pada 27 Februari lepas.

Pertunjukkan yang dianjurkan oleh Mahina Boutique adalah bagi mengutip derma bagi tabong anak2 yatim Daerah Brunei-Muara.

Isteri Menteri Besar, Datin Hajjah Salmah telah merasmikan pertunjukkan tersebut.

Kira2 \$2,000 telah diperolehi dari penjualan tiket2 dalam pertunjukkan itu, 40 peratus dari jumlah itu akan didermakan kepada tabong anak2 yatim Daerah Brunei-Muara.

Di-antara jemputan2 kehormat yang hadir menyaksikan pertunjukkan tersebut termasuklah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain dan isteri Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei, Puan Adair.

Gambar atas menunjukkan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna sedang menghulurkan derma bagi tabong anak2 yatim dan di-ikuti oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain dan Penyelia Istana, Datin Dolbey. Sementara gambar bawah menunjukkan sa-bahagian dari beberapa jenis pakaian yang di-pertunjukkan dalam pertunjukkan feshen pakaian itu.



Persatuan PATUH akan menganjorkan kelas2 dewasa

BANDAR BRUNEI.—Persatuan Angkatan Tunas Harapan, PATUH akan menganjorkan kelas2 dewasa dalam bahasa Inggeris, China, dan trengkas bagi penduduk2 Kampong Si-Raja Muda dan kampong2 di-sekitar-nya.

Kelas2 itu di-jadualkan diadakan dalam bulan ini di-rumah persatuan itu di-Kampong Si-Raja Muda.

Setia Usaha Agong persa-

tuan itu berkata lebih dari 100 orang sa-takat ini telah mendaftarkan nama mereka untuk menyertai kelas2 itu.

Beliau berkata, persatuan itu telah pun menganjorkan dua kelas Ugama bagi perempuan, satu kelas Ugama orang2 lelaki, dua kelas membaca Quran bagi orang2 lelaki dan perempuan dan sa-buah kelas urusan rumah tangga.

Sementara itu, persatuan itu

Kerajaan sentiasa mementingkan taraf hidup raayat

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Daerah Brunei/Muara Pengiran Dato' Paduka Haji Abd. Rahman bin Pg. Hj. Abd. Rahim telah memberikan tahniah kepada semua ahli2 jawatankuasa Usaha Bersama Kampong Kiulap kerana menubuhkan sa-buah kedai sharikat untuk keperluan orang2 kampung di-situ.

Uchapan Pegawai Daerah itu telah di-sampaikan oleh Penolong-nya Pengiran Idris bin Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Pengiran Hj. Mohammed semasa beliau merasmikan Mashuarat Agong Tahunan Kedai Sharikat di-Kampong Kiulap kali ketiga minggu lepas.

Pengiran Idris berkata bahawa kedai iktisad itu merupakan satu gerakan yang berkebajikan ahli2-nya mahupun kepada anak2 kampung keseluruhannya.

Beliau mengharapkan supaya usaha2 baik seperti itu akan mendatangkan faedah kepada penduduk2 terutama meningkatkan taraf hidup kepada mereka yang mengambil bahagian mengendalikan kedai sharikat itu.

Kata-nya usaha2 seperti itu sa-laras dengan salah satu tujuan Kerajaan D.Y.M.M. Pa-

duka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang menitikberatkan kemajuan2 terutama mementingkan taraf hidup semua penduduk di-negeri ini.

Pengiran Idris juga memuji tentang ujud-nya kedai sharikat itu yang di-sifatkan beliau sa-bagai satu usaha yang mulia dan bermutu tinggi demi faedah bangsa dan negara.

Ketika menceritakan orang2 asing pendatang yang masuk ka-Brunei menanamkan modal mereka di-negeri ini, Pg. Idris menjelaskan bahawa kebanyakan dari mereka itu ada-lah golongan yang paling miskin. Oleh kerana ketabahan hati dan kesabaran mereka menghadapi segala rupa penderitaan hidup dalam mencari wang, maka akhir-nya mereka menjadi sa-orang yang kaya sa-bagaimana yang dapat kita saksikan pada masa ini.

Beliau menimbulkan lagi bagaimana sa-orang yang paling miskin di-Amerika bernama P. Jetty Gerry. Kerana usaha2-nya yang tidak pernah mengenal putus asa ia-nya sekarang menjadi salah sa-orang yang paling kaya di-Amerika dengan pendapatan hitong panjang 25 juta ringgit sa-hari.

Pengiran Idris menambahkan kata dari dua perbandingan itu dapat-lah kita kesimpulan beberapa faktor penting untuk menjayakan usaha2 berfaedah seperti itu yang utama sekali ia-lah kemahuan, ketabahan pengetahuan, tenaga dan kemajuan.

Pengiran Idris mengakhiri ucapan-nya dengan menyeru kepada semua anggota2 sharikat itu supaya bersungguh2 melaksanakan usaha2 mereka dengan jujur dan sifat2 yang bertanggung jawab bagi kejayaan bersama.

Terdahulu sebelum itu Pengurus Kedai Sharikat Usaha Bersama Kampong Kiulap Awang Ahmad b. Abd. Razak telah menerangkan bahawa sharikat itu telah di-tubuhkan dalam tahun 1967 dengan jumlah ahli-nya seramai 15 orang dan sekarang ahli itu telah meningkat menjadi 44 orang dan menjelang tahun ini ia-nya akan bertambah lebih banyak lagi.

Awang Ahmad menjelaskan kedai sharikat itu telah mendapat keuntungan bersih sa-banyak \$5,000 sa-bulan. Ini tidak termasuk gaji penjaga kedai dan lain2 perbelanjaan termasuk aloan jawatankuasa.

“Dan di-antara manusia ada orang yang menghairankan engkau perkataan-nya dalam perkara kehidupan dunia dan ia menjadikan Allah sa-bagai saksi apa yang ada di-dalam hati-nya itu membetuli dengan apa yang di-katakan dan diterangkan, pada hal dia-lah sa-jahat2 musuh dan kuat perbelahan dalam perkara yang salah. Dan apabila ia berpisah dan berpaling daripada engkau (Muhammad) berjalamlah ia di-muka bumi untuk membuat

Kembali sa-telah memerhati pentadbiran zakat dan Fitrah

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama telah pulang ka-tanah ayer pada minggu lepas sa-telah berada di-Malaysia Barat dan Singapura selama satu bulan.

Mereka ia-lah Kadzi Daerah Belait Awang Abdul Salam bin Abdul Razak dan Setia Usaha Baitul Mal Awang Haji Mohamad Tahir bin Begawan Pe-

**Pengetua Ugama pulang sa-telah
melawat penuntut2 Brunei**

BANDAR BRUNEI. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uga-
ma Yang Amat Mulia Pengi-
ran Indera Mahkota Pengiran
Muda Kamaluddin Al-Haj tel-
ah pulang ka-tanah ayer pada
minggu lepas sa-telah melawat
penuntut2 UgaMa Brunei di-
Malaysia Barat dan Singa-
pura.

Turut bersama beliau ialah Setia Usaha di Jabatan Hal Ehwal Ugama Awang Haji Abdullah bin Metassan dan Nazir Sekolah2 Ugama Daerah Brunei dan Muara Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah.

Mereka berada di-sana selama sa-minggu.

**Sa-tiap orang Islam—
hendak-lah
berpegang tegoh dengan
kata2 dan ikrar-nya**

KHUTBAH JUMA'AT

kerusakan, memotong salatul rahim dan menumpahkan darah orang2 Islam. Sa-terus-nya membinasakan tanam2an dan ternakan2. Sedangkan Allah tidak suka dan redza kepada kerosakkan. Dan apabila dikatakan kepada-nya “takut-lah kamu kepada Allah” kesumbungan telah mempengaruhi-nya kepada berbuat dosa dan berpaling daripada se-ruan baik dan tidak ingin mendengar-nya. Maka chukop- lah untok dia di - dalam jahanam sa-bagai balasan dan sengsara-nya dan alangkah celakala tempat ketetapan itu”.

Menurut maksud ayat2 Al-Quran di-atas tadi Allah ta'ala tidak hanya menerangkan kepada Rasulullahallah s.a.w. kepalsuan orang itu tetapi menerangkan sa-lanjut-nya bahwa manusia itu suka berbalah di-dalam perkara yang salah, perkataan dusta dan suka kepada pekerjaan ma'asiat. Dan orang yang seperti ini ada-lah balasan api neraka.

Oleh yang demikian hendaklah kita umat Islam sadar dan mengambil iktibar di atas perkara yang telah berlaku seperti di hadapan Rasulullah dan telah menjadi sebab ayat2 Al-Quran di-turunkan demi untuk pengetahuan Rasulullah dan Umat Islam, supaya berjaga2 daripada orang seperti ini atau jangan berbuat seperti Akhnas bin Sharif di-dalam cherita di atas tadi dan di-simpang itu hendaklah tiap2 orang Islam berpegang tegoh dengan kata2 dan ikrar-nya. Dengan lain

perkataan tiap2 orang Islam hendak-lah berpegang di atas iman-nya mengikut ahli sunnah wal-Jama'ah yang tidak menyelewing ka-kiri atau ka-kanan, sa-balek-nya dengan keimanan itu sahaja kita tidak akan dapat tegoh jika tidak disertakan dengan amalan seperti mana yang telah di-terangkan oleh Rasulullah, Moga2 segala amalan kita itu di-terima dan kedudukkan kita akan tetap disamping menikmati ketenteraman jiwa dan kesempurnaan di-dalam masyarakat. Amin.

10 orang akan di-pilih menyertai perkhemahan belia

BANDAR BRUNEI. — Majlis Belia2 Negeri Brunei sa-takat ini telah mendaftarkan nama 17 orang chalun dari persatuan2 untok di-pileh bagi menyertai perkhemahan belia sa-dunia di-Negeri Jepun.

Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Majlis Belia2 akan menjalankan pemilihan ka-atas semua chalun itu dalam pertengahan bulan Mach ini.

Sepuluh orang daripada-nya akan di-pileh bagi menyertai perkhemahan itu yang akan berlangsung pada 10 hingga 23 Julai.

Setia Usaha Agung Tertinggi
Majlis Belia2, Awang Yacob
bin Ahmad berkata semua
perbelanjaan semasa meng-
hadhiri perkhemahan itu ter-
masuk tambang kapal terbang
pergi balek di-tanggung oleh
chalun itu sendiri.

Awang Yacob berkata chalu2 yang di-pileh mesti-lah faseh berbahasa Inggeris supaya mereka boleh mengambil bahagian dalam sebarang perbincangan2 dan juga boleh mempersembahkan kebudayaan asli Brunei.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 4 Mach 1970 hingga ka hari Selasa 10 Mach 1970 ada-lah saperti di-bawah ini:—

<i>Hari</i>	<i>Matahari</i>						
<i>Bulan</i>	<i>Dzohor</i>	<i>Asar</i>	<i>Magrib</i>	<i>Isha</i>	<i>Imsak</i>	<i>Suboh</i>	<i>Terbit</i>
4 Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31
5 Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31
6 Mach	12-37	3-56	6-37	7-48	5-00	5-16	6-39
7 Mach	12-37	3-56	6-37	7-48	5-00	5-16	6-29
8 Mach	12-37	3-56	6-37	7-48	5-00	5-16	6-29
9 Mach	12-37	3-56	6-37	7-48	5-00	5-16	6-29
10 Mach	12-37	3-56	6-37	7-48	5-00	5-16	6-29

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



4hb. Mach 1970

PENGHASILAN MAKANAN

DAWAAN pegawai daerah Brunei Muara bahawa ikan telah turun harga-nya sejak beberapa hari yang lalu ada-lah suatu kenyataan yang sangat mengemirakan ketika terdapat desas desus bahawa harga barang2 keperluan makin sa-hari makin naik. Sungguh pun kenyataan itu di-khususkan kepada ikan, beras yang menjadi asas makanan rakyat telah juga turun harga-nya sejak 1hb. Disembar tahun lepas.

Nilaian harga lain2 barang keperluan ada-lah bergantung kepada desakan dan bekalan. Desakan ada-lah tetap kerana kita sama mahukan beras, ikan, daging, sayur dan lain2 makanan. Tetapi bekalan tidak-lah tetap oleh kerana setengah2-nya di-datangkan dari luar negeri dan daerah2 pendalaman yang jauh dari pasaran dan bergantung pula kepada beberapa faktor seperti penghasilan dan pengangkutan.

Ikan telah dapat di-hasilkan dengan cukup dan murah tetapi kedudukan lain2 perusahaan terpengaruh untuk membekalkan penduduk2 negeri dengan bahan2 makanan melalui perusahaan penternakan dan berchuchok tanam tidak dapat dikatakan memuaskan terutama-bekalan sayur2an.

Kini terdapat 84 persatuan2 peladang di-seluruh negeri dengan tujuan hendak membekalkan penghasilan ternakan dan tanaman seperti padi, sayur, dan buah2an. Tidak dinafikan bahawa ahli2 persatuan2 peladang itu dengan pimpinan pegawai2 jabatan pertanian telah dapat menolong diri mereka dan mendapat hasil yang lumayan tetapi mereka hendak-lah juga memandang lebih jauh dari keperluan kampung dan tamu sa-kali sa-minggu itu kepada keperluan negeri am-nya.

Sedangkan ikan dapat di-hasilkan dengan cukup dan murah dan harga beras telah di-turunkan tetapi harga sayur2an telah melambung naik tiga empat kali ganda dari yang terdapat di-kawasan2 tetangga kita. Sayur2 yang di-jual di-pasar itu ada-lah penghasilan orang2 yang bukan ahli2 persatuan2 peladang. Oleh sebab mereka itu bukan pun rakyat maka sekian-lah banyak-nya keuntongan yang hilang dari kemungkinan menjadi pendapatan ahli2 Persatuan2 peladang jika mereka berpanjangan tidak berikhtiar menyalurkan hasil tanaman mereka ka-pasar2 besar di-seluruh negeri.

Sa-lain dari berternak dan berusaha untuk meluaskan kawasan2 persawahan persatuan2 peladang harus memastikan jenis2 sayur2an yang laris di-pasar dan berusaha mengeratkan perpaduan untuk mengurus dan mengatorkan chara2 pengangkutan dan mendapatkan bangku2 berjual di-pasar2 besar sebagai langkah chuba merebut peluang yang sekarang ini hampir semua-nya di-bolot oleh orang2 mendatang.

Ada-nya pasaran yang luas di-negeri ini telah terbukti dari harga mahal yang di-kenakan dengan sa-wenang2-nya oleh penjaja2 asing itu ka-atas rakyat yang menjadi pelanggan2 mereka.

PENYIASATAN KA-ATAS APA YANG DI-HEBOHKAN TENTANG 'AJARAN BARU'

JABATAN Hal Ehwal Ugama, Brunei telah menubuhkan sa-buah Jawatan Kuasa untuk menyiasat apa yang di-hebohkan sa-bagai ajaran baru di-Seria, Sa-telah meneliti laporan2 dan membuat pertemuan dengan orang yang mengajar ajaran tersebut, maka Jabatan Kuasa itu telah berpendapat seperti berikut:-

"Sa-telah kami bertemu-ramah dengan Awang Djafar bin Djihin, kami berpendapat, sa-bagaimana pengakuan Awang Djafar bin Djihin sendiri bahawa ia tidak pernah mempelajari Ugama sa-chara bersekolah atau pun mempelajari satu2 Kitab Ugama yang tertentu kecuali Kitab Perukunan mengenai Ilmu Sembahiyang dan Sifat Dua Puluh, dan ia mengakui sa-orang yang buta huruf kecuali sa-sudah ia memasuki pekerja'an menjadi Pulus di-Indonesia baru-lah pandai menulis dan membaca Rumi, manakala Tulisan Jawi ia tidak tahu menulisnya; tetapi boleh membaca sa-telah mempelajari bacha'an Al-Qur'an.

Mengenai dengan ajaran2-nya, ia-iitu hendak-lah terlebih dahulu mengambil Uduz', membaca tiga kali Istigfar, membaca Fatihah di-hadiahkan kepada Nabi dan kaum Muslimin, membaca Dua Kalimah Shahadat, sala-wat ka-atas Nabi dan Sabat2 Baginda serta menyerah-kan diri kepada Allah, kami berpendapat ini ada-lah perkara biasa.

Manakala zikir 'Illallah' yang menjadi amalan sa-hingga datang-nya tanda2 gerak pimpinan seperti Bunga Silat atau sa-umpama-nya, dengan tujuan menyebut 'Illallah' itu bahawa semua-nya daripada Allah, maka kami dapati zikir hanya dengan menyebut kalimat 'Illallah' tidak kami jumpai dalam ajaran Ugama Islam, apa yang selalu di-buat menjadi zikir menurut ajaran Islam ialah 'La Ilaha Illallah' atau pun 'Allah' atau pun 'Ya Allah' dan sa-umpama-nya, dan ia (Djafar bin Djihin) telah gagal menunjukkan sa-barang kitab dari mana ia mendapat zikir 'Illallah' itu kecuali kata-nya demikian-lah yang di-terimanya daripada guru-nya yang di-sebutnya sa-bagai Col. Kandipurnama di-Sunda.

Di-dapati bahawa sa-siapa yang akan menerima ajaran itu daripadanya ada-lah lebih baik di-mandikan dan di-beri minum ayer berchampur dengan sedikit garam oleh

Di-keluarkan oleh
Penguasa Penerangan &
Tabligh,
Jabatan Hal Ehwal Ugama,
Brunei.

nya, bagi maksud menghilangkan perbuatan yang keji, dan niat mandi itu daripada dan dalam pengetahuan-nya bukan daripada orang yang menerima ajaran itu.

Menurut pandangan Islam bahawa-nya mandi telah ditentukan hukum2-nya dalam Ilmu Fikih seperti mandi wajib, mandi sunat dalam keadaan2 yang tertentu, dan perkara yang di-ajarkan oleh yang berkenaan itu tidak di-suroh oleh Ugama bahkan sa-siapa yang hendak berzikir tidak-lah di-sharatkan mandi dan minum ayer berchampur sedikit garam.

Dia menerangkan lagi bahawa-nya ajaran-nya itu berpusatkan Sembahiyang dan kekushukan dalam memuhonkan sa-suatu permuhunan, dan melarang membuat perkara2 yang keji seperti minum arak, zina dan berjudi.

Perkara2 yang di-sebutkannya seperti di-atas itu memang-lah perkara yang di-

ma'alomi di-sisi Ugama Islam dan semua pemeluk Ugama Islam di-suroh mengerjakan perkara2 yang di-wajibkan dan menjauhi segala perkara2 yang di-larang.

Menurut penerangan-nya lagi bahawa ia tidak-lah pandai bersilat, dan ia pernah memuhonkan dengan amalan yang tersebut itu supaya dapat bersilat, tetapi telah gagal. Yang aneh-nya, ia mengajarkan ajaran itu kepada orang lain, dan orang2 yang menerima itu pandai pula bersilat dan lagi panchak silat itu pula boleh di-tunjukkan di-Khalayak ramai untuk hiburan, dan di-dapati juga daripada temu-ramah itu dia ada-lah sa-bagai sa-orang dukun.

Kesimpulan - nya bahawa Awang Djafar bin Djihin bukan-lah sa-orang ahli dalam pengetahuan Ugama Islam, dan sa-bahagian daripada ajaran-nya itu di-dapati tidak sa-bagaimana yang di-ajarkan oleh Ulama2 Yang Mu'tabar".

Oleh yang demikian umat Islam di-negeri ini ada-lah diseru sekali lagi supaya berhati2 dalam menerima sa-barang ajaran Ugama Islam daripada sa-barang orang, bahkan hendak-lah di-pastikan orang yang mengajar itu telah mendapat Tauliah daripada Kerajaan.

Tarikh ketibaan jemaah2 haji

BANDAR BRUNEI. — Bahagian Urusan Haji Jabatan Hal Ehwal Ugama sa-takat ini telah mendaftarkan seramai 200 orang bakal2 Haji yang akan menunaikan fardhu Haji tahun hadapan.

Pegawai Urusan Haji Awang Kassim bin Haji Ahmad berkata sa-ramai 162 orang dari bakal2 Haji itu akan menaiki kapal laut dan 50 orang pergi dengan kapal terbang.

Awang Kassim menambah kata pendaftaran menunaikan fardhu itu maseh terbuka sekarang dan pendaftaran itu akan di-tutup pada 24 Mei tahun ini.

Sementara itu Jema'ah2 Haji Brunei yang pergi dengan kapal terbang yang bertolak pada 5 Februari ka-Mekah akan tiba di-Lapangan Terbang Berakas pada 10 Mach ini dengan kapal terbang MSA.

Jema'ah2 Haji yang bertolak dengan kapal terbang pada 31 Januari akan tiba di-Brunei melalui Labuan pada 15 Mach ini sementara jema'ah2 Haji kapal laut akan tiba di-Brunei

pada 16 Mach ini.

Keluarga jema'ah2 Haji yang belum lagi mengambil surat2 kebenaran masuk di-kawasan Lapangan Terbang Berakas dan kawasan Kastam Di-Raja Bandar Brunei ada-lah diminta mengambil pas2 itu di-Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan seberapa segera.

Kelas2 trengkas di-Lambak

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pelajaran bahagian Pelajaran Dewasa akan membuka kelas2 urusan rumah tangga, membenteras buta huruf, bahasa Inggeris dan Trengkas di-Sekolah Melayu Dato Mahawangsa Kampung Lambak mulai minggu hadapan.

Guru Besar sekolah itu Che'gu Asmahkhan bin Abdulkan berkata pendaftaran memasuki kelas2 itu dari penduduk2 Kampung Lambak dan kawasan di-sekitar-nya maseh terbuka sekarang.

Beliau berkata mereka yang ingin mengikuti pelajaran tersebut boleh-lah mengisikan borang yang di-dapati dari Pejabat-nya di-sekolah itu.

Perlumbaari rentas desa tahunan

BANDAR BRUNEI.—Awang Ancharam Aji dari Sekolah Melayu Supon Daerah Tutong telah memenangi perlumbaaran rentas desa bahagian persorangan, sa-telah mengalahkan peserta2 dari 30 buah sekolah dalam kumpulan "A" bahagian lelaki jarak lima batu.

Dalam kumpulan "B" sa-jauh tiga batu, Majid Bakar dari sekolah Melayu Muara mendapat tempat pertama.

Bahagian perempuan jarak sejauh tiga batu tempat pertama di-menangi oleh Miri Musa dari sekolah Melayu Sinaut daerah Tutong.

Bahagian lelaki "A" berpasokan: Pertama di-menangi oleh Sekolah Inggeris Kerajaan Persediaan, sementara Sekolah Melayu Amar Pahlawan di-Berakas memenangi lumba berpasokan kumpulan "B".

Perlumbaaran berpasokan kumpulan perempuan, di-menangi oleh Sekolah Melayu Piasau2.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pengarah Pelajaran Dato Seri Lila Jasa Awang Malcolm MacInnes.

Perlumbaaran rentas desa tahunan bagi sekolah2 rendah itu telah di-adakan di-Bandar Brunei pada hari Ahad lepas.



Bahagian berpasokan lelaki 'B' di-menangi oleh Sekolah Persediaan Inggeris. Gambar atas menunjukkan ketua pasokan itu sedang menerima piala kemenangan mereka. Sementara gambar bawah kelihatan Awang Ancharam Aji dari Sekolah Melayu Supon, pemenang pertama dalam bahagian perseorangan lelaki 'A' ketika menghabiskan perlumbaaran.



Lebeh 123,937 telah di-suntik

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Perubatan dan Kesihatan telah menyuntik sa-ramai 123,937 orang bagi menchegegah kolera sejak Brunei di-ishtiharkan di-serang oleh penyakit itu dalam bulan Januari yang lalu.

Pegawai Perubatan Kesihatan, Dr. Y. H. Paik berkata, 74,110 orang daripada orang2 yang di-suntik itu ada-lah di-Daerah Brunei Muara, 34,287 orang di-Belait, 9,583 orang di-Daerah Tutong dan 5,043 orang di-Daerah Temburong.

Orang ramai yang belum lagi bersuntik menchegegah kolera ada-lah di-nasihatkan supaya bersuntik dengan seberapa segera.

Chatuan ayer

KUALA BELAIT.—Di-sebabkan oleh keadaan musim kering pada masa ini, maka bekalan ayer di-Kuala Belait dan Seria akan di-kurangkan mulai hari ini 4 Mach.

Menurut waktu baru, bekalan ayer akan di-bekalkan dari pukul 5.30 pagi hingga pukul 9.00 pagi; kemudian dari pukul 10.30 pagi hingga 1.00 tengah hari kemudian di-buka lagi dari pukul 4.00 petang hingga pukul 7.00 malam.

Berkursus di-New Zealand

BANDAR BRUNEI.—Awang Solomon Soo Boon Ann, penolong pegawai Pertanian telah berlepas ka-New Zealand pada minggu lepas untuk menjalani satu kursus bagi mendapatkan ijazah dalam jurusan pertanian di-Lincoln College, Christ Church atas biasiswa latehan pegawai dalam perkhidmatan kerajaan.

Awang Solomon Soo mula berkhidmat dengan Jabatan Pertanian Brunei dalam tahun 1961.

Dalam tahun 1964/65, beliau menghadhiri kursus mengenai penanaman padi selama satu tahun di-Jepun dan tahun lalu Awang Solomon Soo, menjalani kursus latehan antara bangsa ke-17 mengenai pertanian di-luar bandar di-negeri Belanda.

Lesen2 anjing bagi tahun 1970

KUALA BELAIT. — Leseh tahunan bagi anjing2 di-Daerah Belait telah di-keluarkan di-pejabat2 bandar di-Kuala Belait dan Seria mulai 2 Mach.

Lesen2 itu boleh di-beli semasa waktu bekerja tetapi tidak lewat dari 2.30 petang.

Bayaran lesen itu ia-lah 3.00 bagi anjing jantan dan \$5.00 bagi anjing betina.

Lesen anjing hendak-lah di-kalangkan ka-leher anjing2 itu.

Satu pengumuman bandaran berkata, anjing2 yang di-dapati tidak berlesen sa-lepas 2 April akan di-musnahkan.

Sementara itu, pengeluaran lesen tahunan bagi anjing2 di-Daerah Brunei Muara juga boleh di-dapati di-pejabat Bandaran di-Bandar Brunei.

Tawaran pembenaan ranchangan bagi Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Kerajaan tidak lama lagi akan mengeluarkan tender bagi pembenaan kilang penyampor ubat dan pusat pengepam ayer bagi ranchangan bekalan ayer Kuala Belait dan Seria yang di-chadangkan itu.

Sharikat Binnie dan Rakan, pereka bentuk ranchangan itu juga akan mengawasi pembenaan projek itu.

Kerja penyiasatan tapak bagi ranchangan itu telah siap dalam bulan Ogos tahun lepas

dengan menelan belanja sa-banyak \$157,280.

Kerja itu mengandongi pengorekan tanah untuk menentukan bentuk rupa tanah di-sebelah bawah.

Pengorekan telah di-jalankan di-tapak bagi kemasokan ayer di-Sungai Belait, di-kilang penyampor ubat dan pusat pengepam dan di-tapak tempat simpanan ayer.

Ayer dari Sungai Belait akan di-pam ka-kilang penyampor ubat yang akan di-bena di-Seria.

Ayer itu kemudian-nya di-bahagi2kan ka-tanki2 yang tinggi letak-nya di-Kuala Belait dan Seria dan ka-tempat simpanan ayer di-Sungai Liang.

Bekalan letrik di-perluas ka-Kampong Pelambayan

BANDAR BRUNEI. — Ranchangan membekalkan kuasa letrik akan di-perluaskan ka-Kampong Pelambayan di-Daerah Brunei-Muara, apabila kerja2 memasang kawat2 letrik di atas dalam kawasan itu siap.

Sa-orang juruchakap Jabatan Letrik berkata, kerja2 mendirikan tiang2-nya di-se-

panjang Jalan Kota Batu, ia itu dari bangunan bahru Museum Brunei ka-Kampong Pelambayan sedang berjalan lancar, dan ia-nya di-jadualkan siap dalam masa dua bulan.

Apabila ia-nya siap, kampong Pelambayan dan rumah2 di-sepanjang jalan itu akan mendapat bekalan letrik.

KAWASAN hutan Negeri Brunei meliputi sa-luas 1,678 batu persegi atau 75% dari jumlah kawasan negeri yang dapat di-bahagikan kepada tiga kategori, pertama — Hutan Simpanan yang ada, yang berjumlah 818 batu persegi; kedua — Hutan Simpanan yang di-chadangkan sa-luas 351 batu persegi dan Tanah Hutan Negeri yang kebanyakannya hutan bukit yang berjumlah sa-luas 509 batu persegi. Dari jumlah itu tadi kurang dari sa-tengah kawasan itu difikirkan boleh di-jadikan perusahaan balak dewasa ini. Ini di-sebabkan lebih kurang 150 batu persegi telah di-usahakan, sedangkan yang lebih itu terbiar begitu sahaja, sa-hingga di-bena jalan2 di-pendalaman nanti.

Dari jumlah tanah hutan yang di-sebutkan tadi, sa-chara kaji-malam hayat dapat di-bahagikan kepada lima jenis; Pertama — Hutan Paya Laut (Mangrove Forest), kedua — Hutan Rawa (Heath Forest), ketiga — Hutan Paya Lanar Ayer Tawar (Fresh water Swamp Forest), keempat — Hutan Dipterocarp champoran (Mixed Dipterocarp Forest) dan kelima — Hutan Gunung (Mountain Forest).

POLISI PERHUTANAN

Belum terdapat perubahan dalam polisi perhutanan Kerajaan, yang pada hakikatnya, bertujuan untuk membekalkan kayu yang sa-chukop-nya untuk kegunaan dalam negeri dari beberapa jenis yang mendapat pasaran luas dalam negeri, sa-terus-nya membolehkan kayu berketam dalam quantiti yang terbatas untuk di-eksport, terutama-nya jenis kayu Ramin dan Medang yang mendapat pasaran luas di-luar negeri.

Eksport kayu balak ada-lah di-chehag untuk pemeliharaan sumbar2 hutan dan untuk menyediakan pekerjaan yang sa - chukop-nya untuk pekerja2 tempatan dari hasil ini. Kesan dari penchehagan, di-samping itu bertujuan untuk mengekalkan hutan2 itu dan pengawalan pekerjaan perhutanan dapat di-lakukan oleh pekerja2 Jabatan Kehutanan. Dengan penchehagan eksport kayu balak ka-luar negeri ini juga di-harapkan pengeluaran kayu berketam (sawn timber) akan tetap bertambah untuk mengatasi keperluan pasaran tempatan yang semakin bertambah.

Polisi untuk meluaskan Hutan Simpanan pada Tanah Kerajaan sedang dalam pertim-bangan.


Di-bandingkan dengan tahun 1967, pengeluaran kayu balak meningkat kepada 10%, sementara kayu bakau yang sa-bahagian besar-nya di-gunakan untuk piling, pertambahan-nya berjumlah sa-banyak 75%. Tiga kawasan di-negeri ini yang menghasilkan kayu balak dari kilang2 papan ada-lah seperti berikut:-

Daerah Belait — dari kawasan Hutan Simpanan Bukit Labi yang menghasilkan jenis kayu **Meranti**, **Alan** dan lain-nya. Dari kawasan Hutan Simpanan Andulau dengan menghasilkan jenis kayu keras, **Kapur Bukit**, **Keruing**, **Meranti Merah** dan

jenis kayu Meranti lain-nya.

Di-Daerah Temburong dari Hutan Simpanan Labu dengan menghasilkan pelbagai jenis **Meranti**, **Ramin** **Medang** dan lain-nya.

Jumlah penghasilan dari Hutan Simpanan ini berjumlah 9,811.3 tan, sementara jumlah penghasilan kayu balak dari Tanah Hutan Kerajaan sa-banyak 47,274.4 tan dari pelbagai jenis kayu.



Komplek bangunan balai pulis Kuala Belait kelihatan sedang dalam pembenaan. Pembenaan kompleks yang mengandungi balai pulis dan barek itu telah di-mulakan pada penghujung tahun lepas dan ia-nya di-jadualkan siap dalam bulan Oktober tahun ini. Balai pulis baru itu ia-lah

Beberapa jenis kayu tempatan mendapat pasaran luas di-luar negeri

KAYU BERKETAM PENGHASILAN TEMPATAN

Terdapat sa-jumlah 29 buah kilang yang berlesen, tetapi empat daripadanya tidak menjalankan perniagaan dalam tahun 1968. Jumlah penghasilan kayu berketam ini sa-besar 24-791.1 tan. Kayu berketam yang di-eksport berjumlah 3,558 tan. Jenis2 kayu itu ada-lah seperti **Alan**, **Kapur**, **Meranti**, **Keruing**,

Ramin dan **Medang**. Jenis2 kayu ini di-eksport ka-Sarawak, Sabah, Australia, Britain, Jerman, Norway dan Negeri Belanda.

Chuma terdapat sedikit perubahan pada harga kayu balak dalam negeri untuk tahun 1967. Pendapatan kehutanan untuk tahun 1968 berjumlah sa-banyak \$380,337. Pendapatan dari setiap daerah adalah seperti berikut:-

Bandar Brunei dan Temburong sa-banyak \$63,268; Daerah Seria/Belait sa-banyak \$228,779; Daerah Tutong sa-banyak \$88,290.

Dua orang pelajar Brunei maseh meneruskan pengajian mereka dengan biasiswa Kerajaan di-bidang perhutanan. Sa-orang di-antara mereka dalam tahun ketiga semantara yang lain-nya dalam tahun kedua dari empat tahun pengajian di-bidang tersebut. Dua orang lagi kaki tangan Jabatan Kehutanan yang menyertai Institute Penyelidikan Kehutanan, di-Kepong, Malaya telah lulus dalam peperiksaan di-bidang tersebut.

PENTADBIRAN

Awang C. G. Merton telah mengepalai Jabatan Kehutanan hingga bulan Oktober tahun 1968, ketika ia berchuti panjang sa-belum bersara. Tempat-nya di-gantikan oleh Awang I. P. Tamworth yang tiba di-Brunei pada bulan Jun 1968, untuk memegang jawatan sa-bagai Ahli Silbikalchar (Silviculturist) serta memegang jawatan Pemelihara Hutan.


Johan bersilat anjoran PERANGKAP

BANDAR BRUNEI. — Dua orang ahli Persatuan Kampong Saba, Awang Damit bin Haji Bulaji dan Haji Munap bin Haji Ibrahim telah memenangi tempat pertama dan kedua dalam peraduan perengkat akhir bersilat di-Pusat Belia, Bandar Brunei pada 27 Februari lepas.

Yang mendapat tempat ketiga dalam peraduan itu ia-lah Awang Abdul Latif bin Yassin dari Persatuan Belia Batu Marang.

Dalam Peraduan Pakaian Asli Brunei, Awang Ibrahim bin Mohamed Yusof dari Persatuan Setia Pahlawan telah di-pilih sa-bagai pemenang di-antara lima orang peserta yang telah mengambil bahagian.

Peraduan2 tersebut ada-lah anjoran Persatuan Perangkap bersempena menyambut Hari Raya Haji yang lalu.



bagi menggantikan balai pulis yang lama yang telah di-robuhkan. Keseluruhan kompleks itu menelan belanja sa-banyak \$153,714.

Gambar2 atas dan bawah menunjukkan bangunan balai pulis yang baru itu dan barek bagi anggota pulis yang belum beristeri.

38 orang chalon di-pileh untuk ikuti kursus perguruan

BANDAR BRUNEI. — Samarai 66 orang telah di-temu duga baru2 ini untuk mengikuti kursus lathan perguruan selama tiga tahun di-Maktab Perguruan Brunei.

Mereka itu telah di-temu duga oleh Penyusun Lathan Perguruan Awang A. D. Bumford dan Penolong Penguasa Pelajaran Melayu, Awang Hussain bin Mohamed Yusof.

Awang Bumford berkata, samarai 38 orang chalon telah di-pileh dan nama2 mereka akan di-kemukakan kepada jawatankuasa dermasiswa untuk di-luluskan. Dari jumlah itu, 26 orang chalon bangsa Melayu.

Mereka akan di-bahagikan kepada dua darjah ia-itu 20 akan di-lateh dalam aliran Melayu sementara lapan belas lain-nya aliran Inggeris.

Awang Bumford berkata, kursus itu akan di-mulakan sa-baik2 sahaja keputusan mu'tamad di-buat oleh jawatankuasa dermasiswa.

Semasa lathan semua chalon2 yang di-terima akan menerima aloan sa-banyak \$180.00 sa-bulan bagi tahun pertama dan kedua, dan bagi tahun ketiga mereka akan menerima aloan sa-banyak \$190.00 sa-bulan.

Aloan itu akan di-potong sa-banyak \$60.00 jika mereka itu di-berikan tempat tinggal dan makan di-sa-buah asrama. Mereka juga di-kehendaki menanda tangani satu perjanjian dengan pihak kerajaan.

Sambutan tahun baru Hijrah 1390

BANDAR BRUNEI. — Sambutan Tahun Baru Hijrah 1390 akan di-adakan di-Dewan Madrasah Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Brunei pada hari Ahad malam Isnin 8 Mach, 1970 mulai jam 8.00

Sambutan tersebut di-anjarkan oleh Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, dan akan

di-penuhi dengan Sharahan Khas, persembahan nas-hid, persembahan bacha'an sa-jak dan majlis Bahath yang akan di-adakan sa-chara gabungan dan persahabatan antara persatuan2 belia daerah2.

Orang2 Islam terutama pemuda pemudi-nya di-persilakan hadir dalam majlis sambutan tersebut.

24 buah Sekolah Melayu mempunyai nama2 khas

BANDAR BRUNEI. — Dua puluh empat buah sekolah2 rendah Melayu di-negeri ini telah mempunyai nama khas.

Sekolah2 itu telah di-namakan oleh Kerajaan atas permohonan penduduk2 kampung dimana sekolah2 itu di-dirikan dan nama2 itu telah di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Sekolah2 yang telah mempunyai nama khas itu ada-lah seperti berikut:

Kampung Kilanas—S.M. Orang Kaya Setia Bakti (OKSB), Bandar Brunei (Laki2) — S.M. Sultan Muhammad Jamalul-Alam (SMJA), Bandar Brunei (Per.) — S.M. Raja Isteri Fatimah (RIF), Lurong Sikuna (Kg. Ayer) — S.M. Lela Menchanai (SMLM), Bandar Kuala Belait — S.M. Ahmad Tajuddin (SMAT), Pekan Tutong — S.M. Muda Hashim (SMMH), Pekan Seria — S.M. Muhammad Alam (SMAA).

Pekan Bangar — S.M. Sul-

tan Hassan (SMHS), Pekan Muara — S.M. Sultan Umar Ali Saifuddin (SUAS), Kati Mahar — S.M. Awang Haji Md. Yusof (AHMY), Limau Manis — S.M. Penglima Berudin (SMPB), Sungai Besar — S.M. Sultan Abd. Bubin (SMSAB), Subok — S.M. Orang Kaya Besar Imas (OKBI), Bunut — S.M. Bendahara Sakam (SMBS), Kuala Tutong — S.M. Pengiran Muda Mahkota (SMPMMK), Bukit Beruang — S.M. Pengiran Kesuma Negara (SMPKN).

Kampung Menunggul — S.M. Nakhoda Abd. Rashid (SMNAR), Tanjong Maya — S.M. Abdul Rashid (SMAR), Kupang — S.M. Orang Kaya Ali Waneka Setia Di-Raja (OKAWSD), Batu Apoi — S.M. Sultan Hashim (SMHBA), Sungai Hanching — S.M. Haji Md. Saleh (SMHMS), Perpindahan Kg. Ayer Berakas — S.M. Amar Pahlawan (SMAP), Kampong Ukong — S.M. Dato Pemancha Saging (SMDPS), Kampong Lambak — S.M.

Dato' Mahawangsa (SMDMW).

Mana2 sekolah yang belum di-beri nama khas hendak-lah di-sebutkan nama kampung dimana sekolah2 itu di-dirikan. Mithal-nya sekolah Kampung Anggerek Desa, namakan-lah Sekolah Melayu Kampung Anggerek Desa dan demikian juga sekolah2 yang lain-nya.

Sekolah Menengah Melayu Pertama yang juga di-kenali dengan nama rengkhas - nya SMMP, sekarang ini hendak-lah di-sebut **Sekolah Menengah Melayu**, Jalan Muara — SMMJM.

Begitu juga sekolah2 menengah yang lain-nya hendak-lah di-sebut seperti berikut:

Sekolah Menengah Melayu Sultan Muhammad Jamalul-Alam — SMMSMJA Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin — SMMAT, Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam — SMMMA, Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar — SMMSHB dan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong — SMMHT.

JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Pemereksa Buroh Kanan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayaan untuk di-lantek sa-bagai Pemereksa Buroh Kanan di-Jabatan Buroh, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Persekolahan Tinggi atau yang sa-banding dengan-nya, dan hendak-lah mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman perusahaan dalam sesuatu jawatan sa-bagai penyelia. Mempu-

nyai pengalaman bekerja dalam Jabatan Buroh dan/atau mengetahui Undang2 Negeri Brunei mengenai perhubungan perusahaan buroh ada-lah satu kelebihan.

Tugas2:

Orang yang di-lantek ka-jawatan ini ada-lah bertanggung jawab kepada Pesuruhjaya Buroh, Brunei, bagi mengot dan melaksanakan kerja2 memereksa berbagai2 tempat pekerjaan. Dia akan di-kehendaki mengawas Pemereksa2 Buroh yang lain. Dia akan terutama-nya di-kehendaki menjamin supaya perusahaan2 kayu balak dan kilang papan dan kilang2 perusahaan ringan dan workshop patoh kepada darjah2 keselamatan yang mencukupi. Dia akan juga di-kehendaki membantu dalam pentadbiran Undang2 Negeri Brunei yang berhubung dengan Pampasan Pekerja2 dan perhubungan perusahaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C3 — \$930 x 30 — 1050. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalon yang berjaya yang bukan

raayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sa-chara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perchubuan selama enam bulan. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama. Chalon yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubuan.


Baksis:

Bagi sa-orang chalon yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penuhi di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aloan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan. Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Mach, 1970.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



Ketua Pemerintah tentera British di-Timor Jauh melawat Brunei

BERAKAS. — Ketua Pemerintah pasukan tentera British di-Timor Jauh, Laksamana Sir Peter Hill-Norton telah tiba tengah hari semalam untuk mengadakan lawatan ka-negeri ini selama dua hari.

Sir Peter di-iringi oleh isteri-nya dan satu rombongan yang mengandungi Pegawai Turus Peribadi-nya, Lt. Col. W.F.A. Findlay dan Puan Findlay serta Penasihat Politik, Awang Hibbert dan Puan Hibbert.

Ketibaan Sir Peter dan rombongan di-lapangan terbang Berakas telah di-sambut oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A. R. Adair dan Pegawai Pemerintah Pasukan Askar Melayu Di-Raja, Colonel J. J. H. Simpson.

Sa-jurus ketibaan-nya Laksamana Sir Peter dengan di-iringi oleh Awang Adair yang telah mengadap kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, di-Istana Darul Hana.

Sir Peter juga telah menemui Pemangku Setia Usaha Kerajaan pada sebelah petang-nya.

Hari ini, Sir Peter akan melawat perkhemahan Askar Melayu Di-Raja Brunei di-Berakas dan Pangkalan Laut Pertama di-Muara di-mana beliau akan menghadhiri jamuan makan tengah hari di-atas kapal K. D. Pahlawan.

Beliau kemudian-nya akan pergi ka-Seria dengan menaiki pesawat helikopter untuk melawat pasukan askar Gurkha yang di-tempatkan di-sana.

Puan Hill-Norton dengan ditemani oleh Puan Adair juga akan mengadakan lawatan kakhemah Askar Melayu Di-Raja di-Berakas.

Sir Peter dan rombongan di-jadualkan berlepas ka-Singapura esok, 5 Mach.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sedang di-perkenalkan kepada Laksamana Sir Peter Hill-Norton oleh Awang A. R. Adair (di-tengah2) ketika Sir Peter mengadap D.Y.M.M. di-Istana Darul Hana petang semalam.



Kempen menjaga kebersihan bandar sedang di-lancharkan

BANDAR BRUNEI. — Lembaga Bandaran Brunei sekarang ini sedang melancarkan kempen bagi menjaga kebersihan Bandar Brunei.

Dalam satu kenyataan yang di-keluarkan baru2 ini telah menyeru kepada tuan2 punya tanah dan rumah di-kawasan bandaran supaya membersekan kawasan tanah dan rumah mereka.

Seruan itu di-buat sesuai dengan undang2 Lembaga Bandaran yang mengehendaki semua penduduk2 di-mana2 tanah dan rumah atau punya tanah atau rumah yang tidak di-diami dalam kawasan bandaran supaya berusaha atau menjaga kebersihan supaya tidak mengganggu kepada jiran2 yang tinggal berhampiran atau mendatangkan bahaya di-segi kesihatan awam.

Pengerusi Bandaran Brunei, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim berkata, tuan2 yang punya tanah dan

rumah hendak-lah menyedari betapa penting-nya kebersihan di-kawasan bandaran bagi menjauhkan kejadian penyakit.

Mereka juga hendak-lah membersekan kawasan tanah2 dan rumah mereka, sama ada di-diami atau tidak, supaya menambah ke-chantekan bandar.

Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman mengingatkan, bahawa tindakan akan di-ambil ka-atas tuan2 punya tanah dan rumah yang tidak mengindahkan tanggung jawab mereka menurut undang2 Lembaga Bandaran itu.

Lawatan M. B. ka-Temburong

(Dari Muka 1)

“Pendapat atau anggapan seperti itu ada-lah semata2 hanya untuk menghasut orang ramai, dengan jalan ini maka keselamatan dan ketenteraman akan hilang”, tegas beliau.

Beliau menyeru penghulu2, ketua2 kampung dan tuai2 rumah panjang supaya menjaga orang2 seperti itu dan memberi penerangan atas tujuan2 kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Dalam lawatan ka-daerah itu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan rombongan dengan di-iringi oleh Pemangku Pegawai Daerah, Awang Mohammad Salleh bin Hidup telah melawat projek pembinaan jalan raya di-Bangar, pembinaan jambatan di-Batu Apoi dan juga melawat ka-Temburong Quarry.

Awang Mohammad Salleh telah menerangkan serba ringkas kepada Menteri Besar mengenai dengan projek2 yang di-chapai oleh daerah itu, di-antara-nya ia-lah pembinaan jalan raya yang sedang di-selenggarakan itu.

Amaran: Jangan buang pontong2 rokok sebarangan

BANDAR BRUNEI. — Musim kemarau yang menimpa negeri ini telah membimbangkan pasukan perkhidmatan bomba. Pontong2 rokok yang maseh menyala di-buang di-atas rumput yang kering dan sampah sarap boleh menyebabkan kebakaran.

Pemangku Pengawal Perkhidmatan Bomba, Awang Yaakub bin Haji Mohammad Yusof menyeru orang ramai supaya berhati2 membuang pontong2 rokok yang maseh menyala.

Kerana ini, kata-nya, boleh menyebabkan kebakaran apabila ia-nya di-buang sebarangan ka-atas rumput kering atau sampah sarap.

Seruan ini di-buat beliau berikutan beberapa kebakaran kecil berlaku dalam musim kemarau ini.

Pada minggu lalu satu kebakaran lalang telah berlaku di-kawasan Anduki, Seria. Kebakaran itu telah dapat di-kawal.

Awang Yaakub menasihatkan ibu2 bapa supaya mengawasi anak2 mereka dari bermain api.

Beliau juga mengingatkan kaum2 peladang supaya berhati2 dan menumpukan perhatian apabila membakar di-ladang2 mereka untuk tujuan berchuchok tanam.

Pmk. Pengawal Perkhidmatan Bomba itu menegaskan bahawa apabila satu2 kebakaran itu tidak dapat di-kawal, ia-nya bukan hanya akan merosakan harta benda, tetapi boleh membahayakan ka-atas nyawa manusia.

KOLERA: LAGI SA-ORANG DI-MASOKKAN KA-RUMAH SAKIT

BANDAR BRUNEI.—Brunei tidak akan di-ishtiharkan bebas dari jangkitan kolera selama 15 hari lagi.

Ini ada-lah berikutan kejadian baru telah di-masokkan ka-rumah sakit pada malam Selasa sa-lepas satu kejadian terakhir di-masokkan ka-rumah sakit kira2 dua minggu yang lalu.

Pegawai Perubatan dan Kesihatan, Dr. Y. H. Paik menyatakan bahawa Brunei di-jadualkan akan bebas dari jangkitan penyakit itu se-

malam, tetapi ini tidak dapat di-lakukan.

Pesakit yang baru di-masokkan itu sa-orang lelaki yang berumur 31 tahun dari Kampung Junjongan di-Daerah Brunei-Muara.

Dr. Paik menyeru orang ramai yang tinggal di-Kampung Junjongan supaya jangan membawa sa-barang makanan keluar dari kampung itu.

Beliau juga menasihatkan orang ramai supaya terus melaksanakan langkah berjaga2 bagi menchebag penyakit itu dari merebak lagi.